




PENENTUAN ASET TAK ALIH

Tujuan penentuan aset tak alih adalah untuk mengenalpasti dan menentukan kategori sesuatu aset samada ianya didaftarkan sebagai Aset Alih atau Aset Tak Alih yang merangkumi ciri-ciri dan fungsi yang sama tetapi berbeza penggunaannya. Penentuan kategori aset yang betul dan tepat adalah amat diperlukan dalam aktiviti pendaftaran aset.

DEFINISI ASET TAK ALIH

Aset Tak Alih adalah aset yang secara kekal / tetap atau bersifat kekal / tetap berada pada tempatnya, tidak boleh dialih atau sukar dialihkan dan usaha untuk buka semula / penanggalan melibatkan keperluan kepakaran teknikal atau perundangan yang berkaitan termasuk Aset Tak Alih Warisan.

- (Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012)
Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan 2012



ASET TAK ALIH

KRITERIA TAMBAHAN BAGI PENENTUAN ASET TAK ALIH

i. Perkhidmatan Bangunan (*Building Services*)


Sesuatu peralatan / komponen dikategorikan sebagai Aset Tak Alih apabila ia termasuk dalam keperluan bagi operasi dan Perkhidmatan Bangunan atau sesuatu struktur binaan.

Perkhidmatan Bangunan adalah sistem yang direkabentuk pada sesuatu bangunan supaya bangunan itu dapat berfungsi sebagaimana tujuan asal pembinaannya.

Apa-apa yang terdapat di dalam bangunan dan ianya menyumbangkan kepada keselesaan, keselamatan adalah dikategorikan sebagai Perkhidmatan Bangunan. Bangunan yang dibina mestilah dapat memenuhi tujuan asal ia dibina dan bukan sekadar tempat untuk berteduh tetapi juga persekitaran supaya manusia dapat jadikan tempat kediaman, tempat bekerja dan sebagainya.

Antara contoh Perkhidmatan Bangunan adalah :

- Bekalan tenaga seperti gas, elektrik dan sumber tenaga diperbaharui
- Pengudaraan di dalam bangunan, sistem penyaman udara
- Sistem perpaipan untuk bekalan air dan kumbahan
- Sistem pencahayaan seperti lampu
- Eskalator dan lif
- Sistem Solar, Angin dan Tenaga Biomass
- Komunikasi, Telefon, dan Rangkaian IT
- Keselamatan dan Sistem Penggera
- Sistem pencegah kebakaran




KRITERIA TAMBAHAN BAGI PENENTUAN ASET TAK ALIH (Sambungan..)

ii. Lekapan bersama Sistem (Attached By System)

Sesuatu peralatan / komponen dikategorikan sebagai Aset Tak Alih apabila ia bersambung terus kepada sistem yang dipasang pada sesuatu struktur binaan untuk membolehkannya berfungsi. Peralatan / komponen itu sendiri juga merupakan sebahagian daripada rangkaian sistem tersebut.

Contoh lekapan bersama sistem adalah sistem
Closed-circuit television (CCTV)



iii. Diacuankan (moulded)

Sesuatu peralatan / komponen dikategorikan sebagai Aset Tak Alih apabila ia dibina atau dipasang secara acuan / *in-situ* / *built-in* pada mana-mana struktur binaan.

Antara contoh komponen diacuankan adalah *built in table* dan *built in cabinet*

iv. Bersifat Tetap (Non-Portable)

Sesuatu peralatan / komponen dikategorikan sebagai Aset Tak Alih apabila ia dibina / dipasang dengan tujuan agar komponen tersebut kekal berfungsi pada tempat ia dibina / dipasang.

Antara contoh komponen yang bersifat tetap adalah mesin janakuasa (genset) dan system penyaman udara terpisah (*Split unit air conditioning*)



Rujukan :
GARIS PANDUAN PENENTUAN ASET TAK ALIH
Urus Setia JPAK
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu

SIDANG REDAKSI

Ir. Harjit Singh A/L Inder Singh	En. Ahmad Rosli Bin Abd Rahman	Ir. Asrul Effendi Bin Jamlus	Pn. Norashyiken Binti Azali
Penasihat	Ketua Editor	Editor	Penolong Editor




Apa itu Revolusi Perindustrian ke 4? Revolusi Perindustrian ke 4 adalah istilah yang sering digunakan untuk merujuk kepada proses pembangunan dalam industri pengeluaran dan automasi ke tahap lebih pintar dari yang sedia ada dengan teknologi yang lebih sesuai dan fleksibel. Ini bermakna mesin akan beroperasi secara bebas, atau bekerjasama dengan manusia. Mesin akan beroperasi secara autonomi iaitu menjadi entiti bebas yang akan mengumpul data dan menganalisa.

Kemunculan gelombang teknologi baharu ini dan era 'Digital Economy' atau Ekonomi Digital menyebabkan Kerajaan terus berusaha dalam menjayakan Dasar Digital Malaysia.

SEJARAH

Revolusi Perindustrian – istilah yang diperkenalkan oleh ahli sejarah Arnold Toynbee (1889-1975), adalah satu fenomena yang dianggap lazim dalam masyarakat moden. Sejarah revolusi bermula pada 1800 (1760-1830), Revolusi Perindustrian Pertama (IR 1.0) adalah mengenai kuasa wap untuk digunakan dalam kilang-kilang. Ia bergantung lebih kepada kegunaan air ataupun wap yang berupaya menggerakkan jentera berasaskan kuasa wap untuk kerja-kerja yang tidak terdaya oleh kudrat manusia. Maka terciptalah enjin wap yang turut membawa perubahan besar kepada sistem pengangkutan selain jentera-jentera lain yang berupaya pula meningkatkan aktiviti perindustrian.

Revolusi Perindustrian Kedua (IR 2.0) berlangsung pada sekitar tahun 1870-1914. Tidak seperti revolusi perindustrian pertama, yang dicirikan oleh teknologi baru, industri kedua revolusi lebih banyak berkaitan dengan peningkatan teknologi sedia ada dan sinergi di antara mereka. Sebagai contoh, elektrik menggantikan air dan wap sebagai sumber kuasa utama di kilang-kilang. Revolusi perindustrian kedua juga menandakan permulaan barisan pemasangan, bahagian yang boleh ditukar ganti dan, dengannya bermulalah zaman pengeluaran besar-besaran.



Revolusi Perindustrian Ketiga (IR 3.0) menyaksikan pengenalan teknologi yang lebih baharu berbanding yang lama iaitu automasi dan perkomputeran. Ia sering dirujuk sebagai Revolusi Digital, dan muncul perubahan dari sistem analog dan mekanikal kepada yang digital. Zaman ini juga dikenali sebagai zaman informasi. Menentukan tempoh masa untuk revolusi perindustrian ketiga adalah rumit tetapi permulaannya dapat dikesan pada awal 1960-dimana dunia dapat menyaksikan pengenalan robot perindustrian pertama dan CNC komersil pertama.

Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) adalah kesinambungan versi ketiga dalam peningkatan automasi beserta rangkaian Internet dan proses-proses fizikal lain dan muncul pula satu sistem berbentuk siber-fizikal. IR 4.0 iaitu tentang penemuan pelbagai teknologi baharu yang antara lain menggunakan automasi, analisis dan big data, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robot, *cloud*, *Internet of Things (IoT)* dan perkara yang seumpamanya. Ia melibatkan teknologi automasi yang memberi cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini yang memerlukan perubahan seiring dengan transformasi digital itu untuk kekal berdaya saing dan merancakkan kemajuan lanskap dunia moden.

Revolusi ini menandakan kemunculan sistem fizikal siber melibatkan keupayaan baharu sepenuhnya bagi manusia, mesin dan kaedah baharu teknologi. Dengan kata lain, teknologi automasi itu dilihat sebagai keupayaan teknologi yang tidak perlu melibatkan manusia secara langsung. Revolusi Perindustrian ke 4 juga dapat mengatasi masalah ketergantungan terhadap sumber tenaga yang secara signifikan akan mengubah masa depan dunia pekerjaan.

Rujukan :

Revolusi Perindustrian 4.0. Apa Yang Anda Perlu Tahu?

<https://rootofscience.com/blog/2018/sains-komputer/zaman-industri-4-0/>

REVOLUSI PERINDUSTRIAN KEEMPAT / INDUSTRI 4.0 / IR 4.0

<http://mohdfairuzmohdyusof.blogspot.com/2017/11/industri-40-ir-40-revolusi.html>

PROGRAM BPPA

MESYUARAT PENYELARASAN PEMUKTAMADAN DRAF AKHIR GARIS PANDUAN PENYENGKARAAN BERJADUAL BANGUNAN KERAJAAN BIL 1/2019

Seksyen Perunding Teknologi Penyenggaraan dan Fasiliti, UPPF telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Pemuktamadan Draf Akhir Dokumen Garis Panduan Penyenggaraan Berjadual Bangunan Kerajaan Bil. 1/2019 pada 17 – 18hb Januari 2019, bertempat di Bilik Mesyuarat Delima 4, Blok G, Ibu Pejabat JKR Malaysia.

Objektif mesyuarat ini diadakan adalah untuk:

- Menyemak draf akhir dokumen yang telah dimurnikan oleh pakar bidang dan pejabat operasi yang berkaitan
- Memuktamadkan isi kandungan dokumen yang telah disemak dan ditambahbaik.

Mesyuarat ini diadakan bersama-sama beberapa pihak iaitu Unit Perundingan Pengurusan Fasiliti, BPPA, CPAB dan wakil dari cawangan pakar (Cawangan Kejuruteraan, Awam dan Struktur, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal, Cawangan Kejuruteraan Elektrik, Cawangan Arkitek), Cawangan Senggara Fasiliti Bangunan dan Pejabat Pegawai Penguasa Fasiliti (Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Pahang).



BENGKEL PEMANTAPAN GARIS PANDUAN PENYENGKARAAN BANGUNAN WARISAN

Objektif utama bengkel ini untuk menyemak semula Garis Panduan Penyenggaraan Bangunan Warisan yang sedang dibangunkan bagi tujuan penambahbaikan mengikut kesesuaian dan keperluan dasar pengurusan aset terkini yang merangkumi keseluruhan kitaran hayat aset termasuk perkara-perkara berikut:

- Mendapatkan input dan cadangan pakar berkaitan penyenggaraan bangunan warisan.
- Menambahbaik Garis Panduan Penyenggaraan Bangunan Warisan

Pelbagai perkara yang berkaitan telah dapat dibincangkan didalam bengkel tersebut. Cuma terdapat beberapa perkara berkaitan percanggahan idea dan pendapat perlu diambilkira dan dikupas lebih lanjut untuk mencapai kata putus. Secara amnya, bengkel berjaya dan berjalan lancar.

Bengkel ini telah dianjurkan oleh Unit Pengurusan Aset Menyeluruh (UPAM). Ia telah diadakan di Bilik Delima 1, Blok G, Menara Kerja Raya pada 19 dan 20hb Mac 2019.

